

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	16 MARCH 2017

1Razak Mansion perumahan awam yang lebih selesa untuk didiami

# Bukti rakyat diutamakan - PM

UM - 16/3/2017

Oleh SAFINA RAMLI  
dan OMAR ZIN

pengarang@utusan.com.my

## ■ KUALA LUMPUR 15 MAC

**P**ERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Perumahan Awam Razak Mansion yang kini dikenali sebagai 1Razak Mansion adalah bukti bahawa agenda perumahan menjadi keutamaan kerajaan untuk rakyat. Najib berkata, 1Razak Mansion yang mempunyai nilai sejarah tersendiri kepada beliau dibangunkan semula secara Public Private Partnership jelas menunjukkan kerajaan mampu dan berupaya mengubah kawasan-kawasan perumahan yang usang menjadi kediaman yang lebih selesa untuk rakyat.

"1Razak Mansion ini contoh yang unik yang mana agenda perumahan antara agenda tertinggi diletakkan oleh kerajaan untuk memperjuangkan kepentingan dan kesejahteraan rakyat.

"Kawasan ini yang dahulunya agak comot dan menyakitkan mata kini berubah imejnya menjadi kawasan pembangunan semula bandar yang boleh dibanggakan melalui perkongsian Public Private Partnership," katanya ketika berucap pada majlis penyerahan kunci 1Razak Mansion kepada 658 pemilik asal Perumahan Awam Razak Mansion di Sungai Besi hari ini.

Yang turut hadir Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mohd. Amin Nordin Abdul Aziz.

Projek pembinaan semula 1Razak Mansion itu bermula pada Disember 2014 dan siap sepenuhnya pada Disember 2016.

Menurut Najib, selain itu program-program perumahan untuk rakyat antaranya Rumah Wilayah Persekutuan (Rumawip), Projek Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) dan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) merupakan contoh di mana kerajaan menyediakan pelba-



**NAJIB TUN RAZAK** mengucapkan tahniah kepada salah seorang penduduk asal Perumahan Awam Razak Mansion sewaktu Majlis Penyerahan kunci 1Razak Mansion di Kuala Lumpur, semalam.

gai program bagi memastikan rakyat mampu membeli rumah mengikut kemampuan mereka. "Kita ada pelbagai program untuk membangunkan semula kawasan-kawasan yang boleh dikatakan sebagai sebagai setinggan bandar. Di sini perlunya strategi serampang empat mata di mana kerjasama semua pihak diperlukan untuk mengubah kawasan-kawasan ini," katanya.

Dalam pada itu, Najib berkata, pemilik rumah 1Razak Mansion menikmati pelbagai insentif yang istimewa antaranya setiap unit telah mempunyai hak milik strata di bawah nama pemiliknya sendiri.

Malah jelas Perdana Menteri, 101 unit penyewa perumahan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah ditawarkan pada harga jualan RM42,000 seunit yang mana pada masa kini harga pasaran rumah tersebut bernilai RM350,000.

"Selain itu, kos pemindahan bernilai RM3,000 dibiayai oleh pemaju kepada 557 pemilik dan pemaju juga akan menanggung kos penyelenggaraan selama dua tahun.

## Razak Mansion

- Pembinaan Perumahan Awam Razak Mansion dimulakan pada **1963**.
- Dirasmikan sepenuhnya pada 1968 oleh Timbalan Perdana Menteri, **Tun Abdul Razak Hussein**.
- Projek pembangunan semula 1Razak Mansion diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada **21 April 2014**.
- Unit sedia ada seluas 399 kaki persegi hingga 504 kaki persegi diganti unit rumah baharu yang memiliki tiga bilik tidur dan dua bilik air dengan keluasan **800 kaki persegi**.
- Kos pembinaan semula bernilai **RM150 juta**.

Setiap unit 1Razak Mansion mempunyai unit strata di bawah nama pemilik.

Pasar yang mengandungi 110 lot perniagaan bersaiz 20,000 kaki persegi berbanding 11,000 kaki persegi ketika ini.

Pembinaan 23 unit kedai bersaiz 600 kaki persegi berbanding 400 kaki persegi sebelum ini.

Pajakan 99 tahun berbanding unit lama dengan baki pajakan 40 tahun.

